

Balak: Segera tanam semula

Sekatkan pengeluaran

TIMBALAN Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan Kerajaan-kerajaan Negeri mengurangkan pemberian kawasan-kawasan hutan untuk tujuan membalak.

Beliau juga menasihatkan Kerajaan-kerajaan Negeri mempercepat rancangan-rancangan tanam semula hutan bagi menampung keperluan negara.

Dato Seri Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Dua Tahun Sekali dan Sambutan Ulangtahun Yang Ke-35 Kesatuan Pegawai-pegawai Hutan Melayu Malaysia Barat di Maktab Perguruan Raja Melewar di sini petang ini.

Kata beliau, Kerajaan Pusat sedang menasihatkan

Timbalan Perdana Kerajaan-kerajaan Negeri jangan mengeluarkan terlalu banyak kawasan hutan untuk tujuan membalak memandangkan kawasan hutan yang terhad sekarang.

"Kita perlukan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri dalam usaha menjamin sumber perhutanan negara kerana pemberian kawasan hutan adalah di dalam kuasa Kera-

SEREMBAN, Sabtu

Dato Seri Dr. Mahathir berkata kemarau yang melanda di utara Semenanjung baru-baru ini melibatkan kira-kira 240,000 keluarga.

Sebelum itu, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan, Encik Mohamad Jabil berkata pihaknya setakat ini dapat menanam semula kira-kira 10 peratus dari jumlah kawasan hutan yang dirancang untuk ditanam semula.

Jumlah ini amat sedikit dibandingkan dengan luas kawasan untuk dibalakkan setiap tahun.

Menurut beliau, satu rancangan yang agresif di seluruh negara patut dilancarkan untuk membantu mempercepat kawasan-kawasan yang patut ditanam semula.

kan pendapatan kedua besarnya kepada pertukaran asing negara ini.

Turut hadir di upacara pembukaan itu ialah Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato Mansor Osman, Presiden Kesatuan Pegawai-pegawai Hutan Melayu Malaysia Barat, Encik Shamsudin bin Mohamad Isa dan lain-lain.

jaan Negeri," tambah beliau.

Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberitahu, sebuah tabung akan ditubuhkan untuk menggalak dan mempercepatkan rancangan tanam semula hutan rimba.

Menteri juga memberitahu Kerajaan Pusat telah memperuntukkan \$2 juta setahun mulai tahun ini untuk melancarkan operasi 'cloud seeding' di kawasan-kawasan utara dan kawasan-kawasan yang sering dilanda kemarau memandangkan ancaman kemarau di utara Semenanjung tahun ini.

Menurut beliau, sebuah jawatankuasa bagi menguruskan perkara tersebut telahpun ditubuhkan di Kementerian Perhutanan.

Encik Mohamad berkata berdasarkan kadar kawasan hutan yang dibalakkan sekarang (kira-kira satu juta ekar setahun sejak 1971), kawasan untuk membalak dalam negara akan kehabisan dalam tempoh 12 tahun.

Katanya, Kerajaan Negeri perlu mengurangkan kawasan yang boleh dibalakkan tidak melebihi 340,000 ekar setahun bagi menjamin keseimbangan sumber perhutanan dalam negeri.

Di samping itu, satu rancangan yang teliti bagi sumber pembangunan perhutanan atau tanam semula perlu diadakan bagi menjamin pengeluaran balak negara ini tidak habis lebih cepat, dan selaras dengan rancangan tanam semulanya.

Menurut beliau, luas ekar yang patut ditanam semula setiap tahun ialah 164,000 ekar, bukan seperti 10% dari jumlah ekar yang dibuka setahun sekarang.

Katanya, dalam tahun 1976, balak merupa-